



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

SEJAHTERA DI DUNIA, BAHAGIA DI AKHIRAT

Tarikh Dibaca :

**9 Rabiulakhir 1441H/
6 Disember 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**SEJAHTERA DI DUNIA, BAHAGIA DI AKHIRAT**

6 Disember 2019M/ 9 Rabiulakhir 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan beristiqamah meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita sentiasa dilimpahi rahmat Allah SWT di dunia dan dikurniakan dengan ganjaran syurga di akhirat kelak.

Pernikahan adalah tuntutan syariat Islam yang mengandungi pelbagai hikmah dan kebaikan. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “**Sejahtera Di Dunia, Bahagia Di Akhirat**”.



Sidang Jemaah yang berbahagia,

Sudah menjadi fitrah penciptaan, setiap manusia dianugerahkan perasaan untuk hidup berpasangan dalam menjalani kehidupan. Sejarah juga membuktikan bahawa fitrah inilah yang mempertautkan hubungan antara Adam dan Hawa Alaihimassalam. Perasaan cinta dan kasih sayang dari hati menjadi permulaan cinta yang diredhai di antara Nabi Musa AS dan anak perempuan Nabi Syuib AS, begitu juga dari hati jualah yang memahat kesetiaan cinta sejati Nabi Muhammad SAW terhadap Saidatina Khadijah RAhna yang dikenang sepanjang zaman.

Dalam memenuhi fitrah tersebut, Islam sebagai agama rahmat telah mensyariatkan ikatan perkahwinan kepada umat Islam dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Inilah jalan yang menghalalkan hubungan pasangan lelaki dan perempuan menepati fitrah manusia. Firman Allah di dalam surah al-Nur, ayat 32:

وَأَنِكُحُوا الْأَيْمَنَ مِنْكُمْ وَالصَّلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَامَيْكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ
٢٢

Ertinya: “Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui.”

Hubungan yang terjalin melalui perkahwinan bukan sahaja menyatukan dua insan dalam perasaan kasih sayang bahkan juga menyatukan dua keluarga



atas tujuan yang sangat mulia. Selain memenuhi keperluan dan keinginan secara lahiriah, secara rohaninya juga adalah suatu bentuk ibadah dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Allah SWT telah berfirman menerusi surah al-Rum, ayat 21:

وَمِنْ أَيَّتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَ كُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ

۲۱

Bermaksud: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

Islam sangat menggalakkan perkahwinan sepetimana saranan Rasulullah SAW di dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari Rahimahullah daripada Abdullah bin Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda :

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ، فَلِيَتَزَوَّجْ. فَإِنَّهُ أَغْضَى لِلْبَصَرِ، وَأَحْسَنُ
لِلْفَرْجِ. وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ، فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءُ.

Ertinya: “Wahai para pemuda, sesiapa yang mampu untuk berumah tangga, maka hendaklah dia berkahwin, kerana perkahwinan akan menundukkan pandangan dan memelihara kehormatannya. Sesiapa yang tidak mampu, maka hendaklah dia berpuasa, kerana puasa itu menjadi perisai bagi dirinya (syahwatnya).”



Alangkah mulianya kedudukan perkahwinan dalam Islam. Ia menjadi benteng untuk memelihara maruah diri manusia dan jalan keluar dari nafsu syahwat yang mengajak kepada perzinaan.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya pernikahan dalam Islam mempunyai pelbagai hikmah yang sangat besar kepada manusia, antaranya ialah:

Pertama : Pernikahan dapat memelihara keturunan dan perkembangan generasi manusia. Ia termasuk maqasid al-Syariah dalam aspek pemeliharaan agama, keturunan dan nyawa. Umat Islam bukan sahaja semakin bertambah bahkan akan lahirlah generasi yang akan membela syariat Allah, mengamalkan kehidupan muslim sebenar dan memakmurkan bumi.

Kedua : Pernikahan dapat memelihara maruah diri, menundukkan nafsu syahwat dan menghindarkan diri daripada perbuatan haram seperti khalwat, zina dan sebagainya.

Ketiga : Pernikahan dapat mewujudkan ketenangan dan ketenteraman jiwa. Apabila tautan kasih sayang dapat dipupuk di antara suami dan isteri, sudah tentu ketenangan dan kententeraman akan hadir dalam jiwa mereka. Inilah yang menjadi kekuatan kepada mereka dalam mendepani dugaan-dugaan kehidupan berumahtangga yang penuh dengan cabaran.

Keempat : Pernikahan dapat memupuk sikap bertanggungjawab dan mendisiplinkan diri umat Islam. Dalam kehidupan berumahtangga, setiap pasangan akan memikul tugas dan tanggungjawab yang berat supaya



keluarga yang dibina akan terus dilimpahi mawaddah dan rahmat daripada Allah SWT. Justeru, seseorang yang ingin mendirikan rumah tangga mestilah memahami bebanan-bebanan yang akan dipikul di samping mempersiapkan diri dengan ilmu rumahtangga.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Rumah tangga yang dibina atas dasar iman dan taqwa dapat mengelakkan berlaku keretakan dalam hubungan. Setiap pasangan mestilah mematuhi perintah Allah SWT dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan berumah tangga untuk memperoleh syurga dunia. Justeru, sebelum ke gerbang perkahwinan, aspek pemilihan jodoh perlu diberi perhatian kerana kesilapan membuat pilihan boleh mengundang masalah di kemudian hari. Senario masa kini menunjukkan ramai dalam kalangan generasi muda lebih gemar memilih faktor keluarga, harta benda, kecantikan dan pangkat melebihi agama. Bagaimana hendak membina keluarga sakinah tanpa agama yang memandu kehidupan mengikut syariat?

Ingatlah bahawa perkahwinan adalah permulaan dalam pembentukan keluarga muslim yang akan melahirkan generasi yang taat kepada tuntutan syariat malah bersedia berkorban demi agama dan negara. Ikatan perkahwinan adalah asas keluarga sakinah yang menjadi sebahagian daripada gagasan rahmah untuk membentuk masyarakat bersatu-padu, harmoni dan saling berkasih-sayang.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:



Pertama: Perasaan cinta dan kasih sayang kepada pasangan adalah naluri dan fitrah yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada setiap hambaNya.

Kedua: Perkahwinan dapat memelihara agama, keturunan dan nyawa dalam maqasid al-Syariah. Ia juga memelihara maruah manusia dan menjadi benteng daripada nafsu syahwat yang mengajak kepada maksiat.

Ketiga: Perkahwinan adalah asas keluarga sakinah yang menjadi sebahagian daripada gagasan rahmah untuk membentuk masyarakat bersatu-padu, harmoni dan saling berkasih-sayang.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Zaariyat, ayat 49 hingga 51:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَمِن كُلِّ شَيْءٍ خَلَقَنَا رَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٤٩ فَإِذَا أَتَى اللَّهَ إِنَّ لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ٥٠

وَلَا تَجْعَلُوا مَعَ اللَّهِ إِلَهًا أَخْرَى إِنَّ لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ٥١

Bermaksud : “Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingati (kekuasaan Kami dan mentauhidkan Kami). (Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka): “Maka segeralah kamu kembali kepada Allah (dengan bertaubat dan taat), sesungguhnya aku diutuskan Allah kepada kamu, sebagai pemberi amaran yang nyata. Dan janganlah kamu adakan tuhan yang lain bersama Allah (dalam kepercayaan kamu), sesungguhnya aku diutus oleh Allah kepada kamu sebagai pemberi amaran yang nyata.”



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَّاً كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْتَاهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَسِّيرًا مِمَّا أَذْيَنَ ءَامَنُوا صَلَوًا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

၆၅

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْمِي مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا يُغْمِي دُقْرُتوانَ اكْنُوغْ ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْمِي مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوغْ، تُونِكُو (Tunku) حَاجَهُ عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّرَاءَهُ وَقُضَّاَتِهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

يَا اللَّهُ، جَادِيَكَنَهُ كَامِي اُورُغْ ۲ يُغْمِي مَنْدِيرِيَكَنْ صَلاَةَ سِچَارَا بِرْجَمَاعَهُ دَانْ مَنُونَا يُغْمِي زَكَاةَ مَلَالُوَعيِّ قُوَّوتَنْ زَكَاةَ مَجَlisِ اكَامِ إِسْلَامَ وَلَاهِيَهُ فَرْسَكُوتَوَانَ سَرَنَا رَحْمَتِيَهُ كُوكُولُوغُنْ يُغْمِي مَنُونَا يُغْمِي زَكَاةَ جَادِيَكَنَهُ اوْسَهَا MAIWP دَالِمَ مَغَاكِيَكَنْ زَكَاةَ دَولَاهِيَهُ فَرْسَكُوتَوَانَ سِباَكَايِ سَاتُو لَغَكَهُ يُغْمِي بِرْكَسَنْ باَكِي مَلَقَسَكَنْ اَصْنَافَ دَريِي بَلَشَكُوكَ كَمِيسَكِينَ .

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .



عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

٩٠

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْعُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.